



cfa.vic.gov.au

Pesanan Keselamatan Kebakaran - Musim Panas 2022-2023

Pesanan Penting Utama

- Kebakaran boleh bermula dan merebak dengan cepat pada hari-hari yang panas, kering dan berangin.
- Jika Tahap Amaran Bahaya Kebakaran ialah 'Extreme' (Ekstrim) atau 'Catastrophic' (Bencana), langkah paling selamat adalah untuk meninggalkan tempat berkenaan sebelum sesuatu kebakaran bermula.
- Jika anda tunggu dan mengambil keputusan untuk keluar selepas sesuatu kebakaran sudah bermula, anda berisiko memandu keluarga anda melalui asap tebal, pokok-pokok dan wayar elektrik yang telah tumbang, dan menghadapi bahaya kemalangan, terperangkap di dalam api kebakaran, kecederaan parah atau maut.
- Bincangkan bersama keluarga dan rakan-rakan anda tentang bagaimana anda akan tahu bila masanya untuk meninggalkan tempat anda, ke mana anda harus pergi dan bagaimana anda akan ke sana.
- Suatu tahap amaran kebakaran 'Extreme' (Ekstrim) atau lebih tinggi daripada itu patut menjadi pencetus bagi anda untuk meninggalkan tempat anda. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang tahap amaran bahaya kebakaran sila layari cfa.vic.gov.au/firebans
- Jika anda boleh lihat asap atau api, ia terlalu bahaya untuk memandu. Asap tebal akan menyukarkan penglihatan, dan ini akan meningkatkan kemungkinan berlakunya kesesakan lalulintas dan kemalangan. Kekaburan penglihatan akan menjadikannya sukar untuk menentukan di mana kebakaran itu berada. Perjalanan anda akan berbahaya.
- Jika anda terperangkap dalam kebakaran di semak-samun di sebuah ladang, bergeraklah ke tempat yang lebih jarang, contohnya sebuah kawasan padang berumput yang sudah dibajak atau berumput pendek dan pantaukan keadaan serta sumber-sumber maklumat yang berkaitan.
- Jika anda tinggal atau bekerja berhampiran kawasan berumput, taman atau kawasan padang berumput (di pinggir Melbourne atau pekan-pekan di desa), anda mungkin menghadapi risiko kebakaran pada musim panas ini.
- Jika anda tinggal di kawasan perumahan berdekatan kawasan bandar dan berada di sebelah kawasan berumput dan sebuah kebakaran rumput bermula, bergeraklah sejauh sekurang-kurangnya jarak dua jalan daripada kebakaran tersebut supaya anda berada di dalam keadaan selamat dan pantau keadaan tersebut. Jangan memandu. Pastikan jalan raya dikosongkan untuk perkhidmatan kecemasan.
- Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada sini: emergency.vic.gov.au dan cfa.vic.gov.au/warnings-restrictions/about-warnings
- Ketahui cara bagaimana untuk memastikan anda boleh tetap mendapatkan maklumat dan ketahui saluran maklumat mana yang berguna bagi anda.
- Selalu gunakan lebih daripada satu sumber maklumat untuk mendapatkan panduan amaran. Ikuti siaran radio tempatan ABC, stesen-stesen radio komersial atau yang dikhususkan bagi komuniti atau Sky News TV, telefon VicEmergency Hotline (1800 226 226), layari emergency.vic.gov.au, dan muat turunkan VicEmergency App.

- Pastikan anda memahami tahap-tahap amaran yang berbeza dan apa maksud mereka:
 - ADVICE (NASIHAT) - Sebuah kebakaran sedang berlaku atau telah berlaku di kawasan anda. Akseskan maklumat dan pantau keadaan
 - WATCH AND ACT (LIHAT DAN BERTINDAK) (Amaran) – Sesuatu kecemasan sedang berlaku berhampiran dengan tempat anda. Anda perlu mengambil tindakan sekarang untuk melindungi diri anda dan orang lain
 - EMERGENCY WARNING (AMARAN KECEMASAN) - Anda sedang menghadapi bahaya dan perlu mengambil tindakan sekarang. Anda akan terimpak
 - EVACUATION (KERAHAN BERPINDAH) (Siap sedia untuk Kerahan Berpindah atau Pindah Sekarang) – Suatu kerahan berpindah disyorkan atau prosedur-prosedur sudah ditetapkan untuk anda berpindah.

Hubungan Media: 1300 CFA MEDIA atau cfamedia@cfa.vic.gov.au